

Bengkel kejuruteraan dan bahasa Inggeris KUTKM

Archival News | Utusan Malaysia | 05/09/2002

AKTIVITI PENDIDIKAN DI SANA SINI

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) baru-baru ini menganjurkan bengkel kejuruteraan dan kem intensif bahasa Inggeris di Kuala Linggi, Kuala Sungai Baru, Melaka.

Program bertujuan mewujudkan satu wahana bagi para siswa KUTKM menanamkan rasa yakin diri bertutur dalam bahasa Inggeris.

Program berkenaan telah diadakan selama tiga hari dua malam dan sepanjang tempoh program berkenaan para siswa telah didedahkan kepada tujuh modul.

Modul berkenaan direkabentuk oleh tenaga pengajar Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Perkhidmatan Akademik, KUTKM di bawah nasihat dan bimbingan Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik merangkap Pengerusi bengkel, Prof. Madya Dr Zolkepli Buang.

Fasilitator program berkenaan terdiri daripada pensyarah Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan pegawai-pegawai universiti.

Program berkenaan telah dirasmikan oleh Timbalan Rektor Akademik KUTKM, Prof Ismail Hassan.

Seramai 124 siswa dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer telah mengikuti program tersebut.

(Source : Utusan Malaysia)